

## Tiada penyelewengan, manipulasi harga topeng muka di Terengganu

19 September 2019 8:23 PM



**KUALA TERENGGANU 19 Sept.** - Tiada penyelewengan mahupun manipulasi harga topeng muka dikesan di Terengganu, kata Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, hari ini.

Katanya, ia berdasarkan pemeriksaan yang dibuat ke atas 83 premis yang menjual barang itu di seluruh negeri yang bermula sejak 12 Sept lepas.

"Pemeriksaan ini melibatkan seramai 110 anggota penguatkuasa dengan tumpuan pemeriksaan adalah terhadap perniagaan runcit, borong dan juga farmasi di seluruh Terengganu."

Pemeriksaan setakat ini mendapat pematuhan oleh peniaga amat baik dan tiada tindakan kes yang diambil sejak hari pertama pemeriksaan dijalankan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Setakat pukul 4 petang tadi, tiga lokasi di Terengganu iaitu Kuala Terengganu, Kemaman dan Paka di Dungun mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap tidak sihat.

Laman web Portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) menunjukkan Kuala Terengganu merekod IPU tertinggi iaitu 130 diikuti bacaan 112 di Paka dan 108 di Kemaman.

Mengulas lanjut, Saharuddin berkata pemeriksaan rapi akan diteruskan dari semasa ke semasa dan jika didapati ada peniaga mengambil kesempatan dengan menyorok atau menahan barang tersebut daripada sampai ke pasaran dengan tujuan untuk memanipulasikan harga, tindakan akan diambil serta kesalahan akan disiasat di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri (SPBN) Terengganu, Lettenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata pihaknya akan memohon keperluan topeng muka daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diagihkan kepada sekolah yang telah dikenal pasti berisiko terjejas akibat jerebu sekiranya diperlukan.

"Sekretariat juga sentiasa berhubung dengan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) untuk memaklumkan perkembangan semasa agar tidak mengganggu sesi pembelajaran di sekolah.

"Walaupun kualiti udara tidak sihat, ia masih tidak terlalu membimbangkan dan setakat ini, tiada keperluan untuk melakukan operasi pemberian awan seperti yang dilakukan di tempat lain...teruskan berada di dalam bangunan dan elakkan berada di luar rumah sekiranya tiada sebarang urusan mustahak," katanya.

Dalam perkembangan sama, tinjauan di beberapa lokasi tumpuan seperti kawasan rekreasi mendapati orang ramai tidak mengendahkan keadaan berjerebu dan masih melakukan aktiviti seperti biasa.

Antaranya ialah di Bukit Besar yang mempunyai ketinggian 157 meter, menjadi lokasi pilihan orang ramai ketika waktu pagi dan petang serta sekitar Pantai Batu Buruk, yang masih dikunjungi pelancong dalam dan luar negara.

Bacaan IPU antara 0 hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.

Untuk berita terkini berkaitan jerebu boleh layari [www.bernama.com](http://www.bernama.com). - BERNAMA

